

21 NOV 1996

Mahkamah - Lim

PEGUAM NEGARA DAN MARINA MAHATHIR AKAN DIPANGGIL SEBAGAI SAKSI

MELAKA, 21 Nov (Bernama) -- Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan penulis jemputan sebuah akhbar, Marina Mahathir akan dipanggil supaya menjadi saksi pembela dalam perbicaraan anggota parlimen Kota Melaka Lim Guan Eng di Mahkamah Tinggi di sini.

Peguam Karpal Singh berkata dua saksi berkenaan perlu dipanggil bagi memberi keterangan berhubung laporan akhbar yang mengaitkan bahawa Ketua Menteri Melaka Tan Sri Abdul Rahim Thamby Cik mempunyai hubungan sulit dengan seorang gadis bawah umur.

Beliau memberitahu mahkamah bahawa Mohtar perlu dipanggil untuk menjelas laporan akhbar yang menyebut beliau sebagai berkata bahawa Rahim tidak akan didakwa kerana tidak cukup bukti.

Karpal juga memohon supaya gadis bawah umur yang dikaitkan sebagai mempunyai hubungan sulit dengan Rahim dan neneknya, Pendek Ahmad turut dipanggil untuk memberi keterangan bagi pembelaan Lim.

Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah semalam memerintah Lim membela diri atas tuduhan menerbitkan berita palsu dan hasutan mengenai perhubungan Rahim dengan seorang gadis bawah umur.

Lim, 36, menghadapi tuduhan menerbitkan risalah bertajuk "Ceramah Kisah Benar" yang mengandungi fakta-fakta palsu berjudul "Mangsa Dipenjarakan".

Lim yang juga Timbalan Setiausaha Agung DAP didakwa mengikut seksyen 8A (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 bagi tuduhan itu.

Beliau menghadapi tuduhan kedua kerana menghasut orang ramai dalam satu ceramah umum di Hotel Emperor, Jalan Munsyi Abdullah di sini pada 19 Januari tahun lepas dengan mendakwa Malaysia mengamalkan undang-undang "double standard".

Pada ceramah itu, Lim mempertikaikan undang-undang negara setelah Peguam Negara membuat pengumuman tidak akan mendakwa Rahim di mahkamah dan bagi tuduhan kedua, beliau dituduh mengikut seksyen 4 (1) (b) Akta Hasutan 1948.

Pada perbicaraan sebelum itu, Lim yang memberi keterangan daripada kandang saksi memberitahu mahkamah bahawa beliau mendapat ilham bagi judul "Mangsa dipenjarakan" selepas membaca tulisan Marina yang bertajuk "Withered Justice" dalam akhbar Star pada Nov 9 1994.

Menjawab pertanyaan Karpal, Lim berkata beliau juga mendapat ilham menerbitkan risalah dan mengadakan ceramah itu ekoran kenyataan-kenyataan Mohtar dalam akhbar dan media elektronik berhubung isu hubungan sulit itu.

Pendakwaan dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohd Azahar Mohamed.

Hakim Datuk Mohd Noor menetapkan perbicaraan disambung semula pada 9 hingga 11 Disember depan.

Bercakap kepada pemberita di luar mahkamah, Karpal berkata beliau telah berbincang dengan Hakim Mohd Noor dan Azahar dalam kamar mengenai permohonan berkenaan yang akan dibuat menerusi pejabat timbalan pendakwa raya. --BERNAMA

MOZ WAT